KESALAHAN EJAAN DAN SINTAKSIS

Latihan 1

Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu** *kesalahan ejaan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan tersebut. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

1. Mangsa kemalangan jalan raya itu memfailkan saman di mahkamah untuk menuntut ganti rugi atas kecederan yang dialaminya.

_____

2. Pemuda yang berambut kerinting itu amat bergaya apabila sedang berucap di pentas.

_____

3. Apabila tiba di lapangan terbang, para pelancong itu menyerahkan paspot masing-masing untuk diperiksa oleh pegawai imigresen yang bertugas.

_____

4. Para pengawas sekolah perlu bertugas dengan efisien agar displin murid sentiasa terkawal.

_____

5. Encik Halim mengumumkan bahawa pertandingan olah raga peringkat daerah akan bermula pada bulan Februari ini.

_____

6. Kerajaan berusaha untuk menyalurkan bekalan elektrik dengan membina stesen janakuasa di kawasan-kawasan pedalaman.

_____

7. Para penduduk kampung digesa untuk memohon surat hakmilik kekal bagi tanah-tanah pertanian yang diusahakan oleh mereka.

_____

8. Pegawai itu sedang mengedarkan kelendar percuma kepada para pelanggan yang berurusan di bank.

_____

9. Para pelancong yang datang ke Malaysia pasti akan terpesuna oleh keunikan flora dan fauna yang terdapat di negara ini.

_____

LIVEWORKSHEETS